



TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
MENTERI DALAM NEGERI**

PADA 26 APRIL 2024 (SABTU)

DATARAN KULIM, KEDAH

SEMPENA

**MAJLIS PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI DAN
SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI AKPS MADANI 2025 BERSAMA
YB MENTERI DALAM NEGERI**

**AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA
(AKPS)**

TAHUN 2025

Terima kasih kepada Saudara / Saudari Pengacara Majlis.

Bismillahirrahmaanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI,

YB Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah

Timbalan Menteri Dalam Negeri;

YBhg. Datuk Awang Alik bin Jeman

Ketua Setiausaha

Kementerian Dalam Negeri;

YBhg. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri;

YBhg. Dato' Sazali bin Mohamad

Pemangku Ketua Pengarah Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan
Malaysia (AKPS);

Ketua-Ketua Jabatan, Ketua-Ketua Agensi;

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Dalam Negeri (KDN);

Pegawai-pegawai Kanan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS);

Warga Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS);

Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan serta para hadirin yang saya hormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita semua dapat berkumpul dalam **Majlis Penerapan Nilai-Nilai Murni dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri AKPS Madani 2025 Tahun 2025**.
2. Saya amat berbesar hati dan ingin merakamkan ucapan penghargaan saya serta terima kasih kepada AKPS kerana sudi menjemput saya untuk hadir bersama-sama para hadirin sekalian di Majlis yang penuh dengan kesyukuran ini.
3. Terlebih dahulu, saya berpandangan bahawa masih belum terlambat untuk saya mengucapkan **Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin** kepada para hadirin yang saya hormati sekalian. Hari yang mulia ini adalah peluang bagi kita untuk memperbaharui ikatan silaturrahim, memperkukuhkan semangat persaudaraan, dan

merenung kembali pengorbanan serta perjuangan kita mengawal hawa nafsu di sepanjang bulan Ramadan yang penuh keberkatan.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

4. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada AKPS yang merupakan Agensi baru yang ke-11 yang berada di bawah KDN kerana telah memberikan komitmen yang tinggi dalam menganjurkan Majlis ini di Dataran Kulim, Kedah.
5. Dalam menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini, saya rasa amat berbangga dengan usaha dan dedikasi semua warga kerja AKPS yang telah berjaya merealisasikan pengoperasian AKPS di 22 pintu masuk utama negara bermula pada 1 Januari 2025 di ICQS Rantau Panjang, Kelantan dan 1 Februari 2025 di 21 pintu masuk yang lain.
6. Seterusnya, menjelang Oktober 2025, AKPS dijangka akan meluaskan pengoperasian di keseluruhan pintu masuk aktif negara yang kesemuanya berjumlah 123 pintu masuk yang diwartakan di bawah Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155].
7. Saya yakin bahawa warga AKPS mampu menggalas tanggungjawab yang diberikan ini bagi memastikan sistem kawalan dan keselamatan pintu masuk negara berjalan dengan lancar serta dapat memelihara keselamatan rakyat agar terus terjamin.

8. Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan saya kepada Kementerian, Jabatan dan Agensi Teras yang telah membentuk AKPS, iaitu Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN) yang telah bertungkus lumus dan memberikan kerjasama yang cukup baik bagi merealisasikan hasrat Kerajaan ke arah pembentukan sebuah agensi tunggal di pintu masuk negara.
9. Tujuan utama AKPS diwujudkan adalah untuk menyatukan pelbagai fungsi kawalan dan pemeriksaan orang dan barangan di pintu masuk di bawah satu *chain of command*. Dengan menyatukan pelbagai fungsi kawalan dan pemeriksaan secara bersepadu di bawah tanggungjawab AKPS, kita akan mewujudkan pendekatan yang terselaras untuk kawalan pintu masuk yang lebih cepat, cekap dan berkesan.
10. Selaku Menteri Dalam Negeri, saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan amat menghargai segala usaha yang telah dilakukan oleh AKPS dalam meningkatkan kecekapan dan keberkesanan fungsi dan tanggungjawab di pintu masuk negara.
11. Sepanjang tempoh dari Januari hingga April 2025, AKPS telah melaksanakan pemeriksaan ke atas **25,010,838 pelawat (*Imbound***

dan **Outbound**) dan **148,260 kargo (Import dan Eksport)** meliputi 3 domain utama, iaitu darat, laut dan udara.

12. Hasil daripada pemeriksaan operasi penguatkuasaan yang dijalankan, sebanyak **292 tangkapan** telah direkodkan yang melibatkan pelbagai kesalahan, antaranya adalah seperti kesalahan tinggal lebih masa dan tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah serta pas telah tamat tempoh di bawah **Akta Imigresen 1959/1963 [Akta 155]** dan **Akta Pasport 1966 [Akta 150]**.
13. Anggaran **nilai keseluruhan rampasan** yang berjaya diperoleh dalam tempoh pelaporan dinilai berjumlah **RM741,954.00** membabitkan pelbagai kesalahan di bawah pelbagai Akta daripada keseluruhan **36 Akta dan undang-undang bertulis** yang dikuatkuasakan oleh AKPS seperti yang terkandung dalam Jadual Kedua Akta Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024 [Akta 860] (Akta AKPS 2024).
14. Saya juga telah dimaklumkan oleh YBhg. Dato' Sazali bin Mohamad, Pemangku Ketua Pengarah AKPS bahawa perancangan kolaborasi strategik telah diadakan antara pihak AKPS dengan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) bagi membanteras penyeludupan barangan terlarang seperti dadah dan hidupan liar di KLIA.
15. Pihak Aviation Security (AVSEC) turut memberikan komitmen penuh untuk bekerjasama dengan semua agensi penguatkuasaan Kerajaan

di lapangan terbang. Penubuhan AKPS sebagai agensi kawalan tunggal di pintu masuk, dilihat sebagai satu inisiatif Kerajaan yang baik dalam memperkemaskan kawalan dan penguatkuasaan di pintu masuk.

16. Justeru, saya berharap agar AKPS akan terus mempertingkatkan operasi penguatkuasaan dan jalinan hubungan kerjasama yang berterusan dengan pihak yang berkaitan bagi menjamin kelestarian AKPS. Dengan memanfaatkan sumber-sumber yang terbaik, AKPS mampu untuk mendahului ancaman yang bakal muncul dan memastikan sempadan kita sentiasa selamat dan dilindungi.
17. Sepertimana kita semua sedia maklum, perkembangan teknologi sentiasa dinamik dan sentiasa berevolusi, selari dengan kepelbagaian bentuk ancaman (*threats*) kepada keselamatan negara. Yang terkini, penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam strategi kawalan sempadan negara adalah sangat kritikal dan diperlukan.
18. Penggunaan teknologi AI dalam kawalan pintu masuk dan sempadan melalui mekanisme atau *tools* yang tepat secara optimum akan membantu pegawai-pegawai kita memantau, menilai, merancang dan menguatkuasakan tindak balas terhadap sebarang bentuk ancaman dan cabaran yang dihadapi di pintu masuk dan sempadan negara.
19. Sebagai contoh, penyelarasan dan analisis data daripada kamera litar tertutup (CCTV) dan mesin pengimbas barangan di pintu masuk yang

dilengkapi teknologi AI akan dapat mempertingkatkan keupayaan pegawai dalam membangunkan analisis risiko di pintu masuk.

20. Pendekatan proaktif ini dapat membantu agensi seperti AKPS dalam memintas potensi ancaman sebelum ia berlaku, sekaligus meningkatkan tahap keselamatan secara keseluruhan di pintu masuk dan sempadan negara.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

21. Dalam kesibukan kita dengan tugas dan tanggungjawab seharian, kita jangan sekali-kali melupakan nilai-nilai murni yang tersemat dalam sambutan Hari Raya Aidilfitri ini. Hari Raya bukan sekadar sambutan kemenangan selepas sebulan berpuasa, tetapi ia juga merupakan hari untuk kita bermuhasabah dan memperbaiki diri ke arah yang lebih baik sebagai insan.
22. Ia juga merupakan kesempatan untuk kita kembali kepada fitrah sebagai seorang hamba-Nya, menyemai rasa kasih sayang, dan mengukuhkan ukhuwah di kalangan keluarga, sahabat, dan masyarakat.
23. Hari Raya Aidilfitri juga mengingatkan kita bahawa kita harus sentiasa menjaga keharmonian dalam masyarakat, tanpa mengira perbezaan agama, bangsa, dan budaya. Oleh itu, saya menyeru agar kita semua terus memupuk semangat perpaduan, menghargai kepelbagaian dan

sentiasa bersikap adil dan saksama dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Ini penting supaya keamanan dan kestabilan negara akan terus diperkukuh berteraskan konsep **Malaysia MADANI**.

PENUTUP

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

24. Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh warga AKPS dan para hadirin yang hadir ke Majlis ini. Semoga sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini memberikan kegembiraan dan keberkatan kepada kita semua dan semoga kita terus diberikan kekuatan untuk meneruskan perjuangan dalam memajukan negara kita yang tercinta ini.
25. Saya juga mendoakan agar ikatan silaturrahim yang terjalin sepanjang bulan Ramadan dan pada hari yang mulia ini dapat memperkukuhkan lagi semangat perpaduan di kalangan rakyat Malaysia.
26. Saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga AKPS yang telah bertungkus lumus menjayakan Majlis ini. Ucapan terima kasih juga saya rakamkan khusus kepada semua pihak terutamanya kepada Jabatan dan Agensi yang telah sudi untuk mengadakan pameran yang sememangnya dapat memberikan manfaat kepada pengunjung yang hadir ke Majlis ini.

27. Tidak lupa juga kepada seluruh warga Kulim dan pengunjung yang hadir pada hari ini. Jutaan terima kasih saya ucapkan dan semoga kita semua diberkati dan dirahmati Allah SWT.

Sekian,

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.